

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR  
[ TANJONG KARANG ]**

**TARIKH : 21 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 4**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah implikasi terhadap penggunaan bubu naga yang mampu menggugat pendapatan nelayan pesisiran pantai.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Peralatan bubu naga yang juga dikenali sebagai bubu kamban telah digunakan sejak tahun 2005 oleh nelayan darat untuk menangkap udang galah dan ikan ketutu di sungai dan tasik. Bubu ini kemudiannya digunakan secara meluas oleh nelayan laut di Perak, Johor, Perlis, Selangor, Pulau Pinang dan Kelantan kerana mudah digunakan dan hanya perlu diletakkan di laut untuk mengutip hasil tangkapan. Berdasarkan kepada syarat lesen Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), peralatan bubu tidak boleh mempunyai lebih daripada dua injap, namun begitu, bubu naga telah diubahsuai sehingga mempunyai puluhan injap dan dipasang secara berangkai.

2. Penggunaan bubu naga memberi implikasi yang negatif kepada kemerosotan sumber kerana ianya bersifat destruktif. Bubu ini berupaya menjerat semua jenis spesis dan saiz ikan serta memberi kesan kepada kitaran pembiakan ikan di pesisir pantai. Selain itu, peralatan bubu naga juga menimbulkan konflik dan pergaduhan di kalangan nelayan terutamanya yang menggunakan pukot hanyut. Ini kerana sifat bubu naga yang berangkai dan panjang boleh mengganggu pelayaran dan menyebabkan pukot hanyut tersangkut dan koyak.

3. Kementerian melalui DOF telah mengharamkan penggunaan bubu naga berkuatkuasa pada 1 November 2018. Pada tahun 2019, sebanyak 4,261 bubu naga berjaya dirampas dan disiasat di bawah Seksyen 11(3)(a) Akta Perikanan 1985 dengan nilai rampasan dianggarkan sebanyak RM182,460. Di samping itu, DOF dengan kerjasama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Pasukan Polis Marin juga akan terus mempergiatkan usaha pemantauan dan penguatkuasaan larangan penggunaan bubu naga.

Sekian, terima kasih.